

Negara Asia Timur tiada alasan enggan sertai EAEC

KUALA LUMPUR 23 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara Asia Timur yang enggan menyertai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) kini tidak mempunyai alasan lagi berikutan kenyataan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton bahawa negaranya tidak menentang penubuhan EAEC.

Katanya, jika sebelum ini Jepun dan Korea agak tidak senang dengan pendirian Amerika Syarikat berhubung penubuhan EAEC dan mereka masih menunjukkan sikap tunggu dan lihat, kini terpujang kepada kedua-dua negara itu kerana alasan tersebut sudah tiada lagi.

"Tetapi kita tidak tahu mereka mungkin ada alasan lain," katanya kepada pemberita di Bangunan Parlimen, di sini, hari ini.

Sehubungan itu Perdana Menteri mengalu-

alukan kenyataan Clinton bahawa Presiden Amerika Syarikat itu tidak menentang EAEC.

"Sebenarnya, sebelum mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle, Amerika Syarikat, saya telah menjawab surat jemputan daripada Clinton dan menyatakan saya tidak dapat hadir ke mesyuarat itu dan berharap dapat bertemu dengan pihak Clinton...nampaknya dia bersedia melalui kenyataannya untuk mengadakan pertemuan," katanya.

Kelmarin, Clinton telah menyatakan hasratnya untuk bertemu Dr. Mahathir pada taklimat akhbar semasa persidangan pertama pemimpin-pemimpin APEC di Seattle.

Mengenai Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA), Dr. Mahathir berkata, pada masa ini Malaysia sedang mengkaji tindakan dan

syarat yang diadakan sama ada ia boleh merugikan negara ini atau tidak.

"Buat waktu ini, kita tidak dapat memastikan pengakuan Amerika Syarikat bahawa NAFTA tidak akan merugikan kita, oleh itu kita memerlukan masa untuk menyatakan tindakan atau pendirian kita," katanya.

Dr. Mahathir menjelaskan, kos pengeluaran di Mexico adalah rendah, oleh itu jika Amerika Syarikat melabur di sana sudah tentu punca nilai import Amerika daripada Mexico akan lebih tinggi berbanding nilai import daripada Malaysia.

"Ada cadangan supaya kita melabur di Mexico tetapi jika kita melabur di sana, ini bermakna kita akan mewujudkan peluang pekerjaan untuk rakyat Mexico dan modal kita akan mengalir keluar.

"Oleh itu cadangan ini memerlukan kajian yang mendalam," katanya.